

KENYATAAN AKHBAR

Untuk siaran segera

17 WARTAWAN CEMERLANG RAIH ANUGERAH MEDIA PEMBINAAN 2023

Sebanyak 176 penyertaan diterima pada tahun ini bagi semua kategori anugerah semenjak tarikh penyertaan dibuka pada Ogos lalu

Kuala Lumpur, 4 Disember 2023: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini meraikan kecemerlangan 17 wartawan dan jurugambar di Anugerah Media Pembinaan CIDB 2023 (AMP 2023). Majlis Anugerah Media Pembinaan tidak dapat dilaksanakan semasa pandemik COVID-19 yang melanda negara, oleh itu AMP 2023 merupakan penganjuran kali pertama diadakan semenjak berakhirnya pandemik.

Anugerah Media Pembinaan (AMP) tahun ini merupakan kali ke-enam dianjurkan oleh CIDB Malaysia bersama Kementerian Kerja Raya (KKR). Anugerah ini memberi penghargaan kepada media yang telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran mengenai inisiatif-inisiatif Kerajaan Malaysia dalam industri pembinaan. Penyampaian anugerah pada hari ini, disampaikan oleh Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, bersempena Malam Penghargaan Media Kementerian Kerja Raya.

Objektif AMP adalah menggalakkan kandungan kewartawanan dan media massa mengenai industri pembinaan. Ini termasuk kandungan yang mengupas isu semasa

berkaitan industri pembinaan seperti keselamatan, kelestarian alam sekitar, penggunaan teknologi serta topik-topik lain yang berkaitan.

Harian Metro menerusi wartawannya Mohd Alhafiz Bin Ithnin telah memenangi tempat pertama dalam kategori Media Cetak & Portal Berita, dengan penulisan bertajuk '*Mengurus Sisa Binaan, Denda RM10,000 Menanti, Terus Promosi Pembangunan Mampan Dalam Sektor Pembinaan*'.

Tempat pertama dalam kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian dimenangi oleh wartawan TV3, Irin Putri Azmi menerusi liputannya, '*Majalah 3 – Misi: Kembalikan Kuasa Kenyir*'. Manakala, tempat pertama dalam kategori Fotografi dimenangi oleh Abdul Razak Bin Abdul Latif, jurufoto The Vibes, dengan gambarnya yang bertajuk '*Labour shortage, weaker ringgit still plaguing construction industry*'.

Buat pertama kalinya Anugerah Infografik diperkenalkan dalam AMP. Tempat pertama bagi kategori ini adalah Mohd Alhafiz Bin Ithnin dan Mohd Fahmy Bin Mohd Hashim dari Harian Metro dengan tajuk "*Pemuliharaan Stadium Merdeka*". Buat pertama kalinya juga AMP tahun ini memberikan hadiah saguhati kepada semua kategori anugerah kecuali bagi Anugerah Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian, pemenang membawa balik wang saguhati bernilai RM1,000 berserta sijil.

Kesemua pemenang masing-masing membawa pulang wang tunai beserta sijil dan trofi.

Senarai pemenang adalah seperti yang berikut:

A. Kategori Media Cetak & Portal Berita (Berita & Rencana):

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Mohd Alhafiz Bin Ithnin	Harian Metro	Mengurus Sisa Binaan, Denda Rm10,000 Menanti, Terus Promosi Pembangunan Mampan Dalam Sektor Pembinaan
Kedua (RM3,000)	Bavani a/p Mahalingam, Shalini a/p Ravindran	The Star	No room for pedestrians
Ketiga (RM2,000)	Mohd Fauzi Mohamad Suhaimi	Astro Awani	RTB Sungai Bunus “lupa” diselenggara punca KL terus banjir, Banjir kilat KL: Pintu air kolam takungan tidak berfungsi?, Kuala Lumpur perlu kolam takungan banjir, bina dalam pusat bandar - Pakar hidrologi, Banjir Kuala Lumpur: JPS sah projek kolam takungan tergendala akibat masalah kontraktor
Saguhati (RM1,000)	Peh Hui Kee	Sin Chew Daily	Death and injury of migrant construction workers
Saguhati (RM1,000)	Erda Khursyiah Binti Basir	Bernamea	Kesedaran Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan Meningkatkan

B. Kategori Media Penyiaran Televisyen & Video Dalam Talian (Berita & Dokumentari):

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Irin Putri Azmi	TV3	Majalah 3 - Misi: Kembalikan Kuasa Kenyir
Kedua (RM3,000)	Ridauddin Daud, Mohd Nasruddin Abdul Samad, Mohamad Noor Fitri Mohamed Zainuri	Astro Awani	Laporan Khas: Teknologi bakal noktahkan isu jalan berlubang?, Laporan Khas: Terpisah kasih angkara lubang di jalan raya, Laporan Khas: Jalan berlubang, tampal, lubang lagi, tampal lagi. Sampai bila?
Ketiga (RM2,000)	Safwan Sawi, Fairuz Yazzer	TV3 Sabah	Nikmat Kemerdekaan Pedalaman

C. Kategori Fotografi:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Abdul Razak Bin Abdul Latif	The Vibes	Labour shortage, weaker ringgit still plaguing construction industry
Kedua (RM3,000)	Mohd Fadli Bin Hamzah	New Straits Times	Refurbishing Putra Mosque
Ketiga (RM2,000)	Lek Kah Meng	Sin Chew Daily	Pekerja di bawah tapak pembinaan bangunan

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Saguhati (RM1,000)	Muhamad Iqbal Rosli	Utusan Malaysia	Lebuh raya Bertingkat
Saguhati (RM1,000)	Amir Bin Khalid	Utusan Malaysia	Mengejutkan!

D. Kategori Infografik:

Tempat	Nama	Organisasi	Tajuk
Pertama (RM5,000)	Mohd Alhafiz Bin Ithnin, Mohd Fahmy Bin Mohd Hashim	Harian Metro	Pemuliharaan Stadium Merdeka
Kedua (RM3,000)	Nor Salim Bin Mohamed Dawam, Nor 'asyikin Binti Mat Hayin	Metro Ahad	Pintasan Saloma Bukan Pintasan Biasa
Ketiga (RM2,000)	Zabariah Iberahim, Abdul Aziz Jamil	Bernamea	Pelan Pembangunan Kampung Baru (Bahagian 1 - 4)
Saguhati (RM1,000)	Ahmad Yusri, Tharanya Arumugam	New Straits Times	Indoor Air Pollution

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cidb.gov.my atau hubungi CIDB Careline di talian 03-5567 3300.

Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi

penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
